

ANGGARAN KOS MEMULAKAN PROJEK CENDAWAN 15,000 BEG

A. PERBELANJAAN (1 MUSIM PENANAMAN)

Perkara	Anggaran (RM)	Catatan
1. Kos Tetap		
1.1 Bangunan Penyediaan Media (20' x 15')	10,000	Ruang untuk pengurusan media dan penyuntikan benih.
• Ruang menyimpan stok media (5' x 10')		
• Sektor (5' x 5')		
• Ruang menggauli media, <i>bagging</i> & kukus beg media (12' x 15')		
• Bilik suntik benih (8' x 15')		
1.2 Rumah Cendawan (20' x 50') (termasuk rak beg media)	25,000	Dianggarkan boleh memuatkan sebanyak 15,000 beg media.
1.3 Kukusan - Tong Dram + dapur gas @ RM 150/unit x 2 unit	300	
1.4 Penutup, gelang leher @ 15 sen x 15,000 set	2,250	Boleh guna semula selama 3 tahun.
1.5 Lain-lain	450	
Jumlah	38,000	
2. Kos Berubah		
2.1 Benih cendawan 400 beg @ RM 2.50	1,000	40 beg media/ botol benih
2.2 Habuk kayu, 8,000 kg @ 20 sen	1,600	1 kg habuk kayu: 2 beg media
2.3 Dedak halus 800 kg @ RM 2.00	1,600	
2.4 Kapur pertanian 80 kg @ 20 sen	160	
2.5 Plastik PP 6" x 13", 0.6, 10 kg @ RM 8 kg	800	200 kpg/kg
2.6 Gas @ 10 sen/beg x 15,000 beg	1,500	
2.7 Penggunaan air & elektrik/bulan	500	
2.8 Upah pekerja @ RM 500/bulan x 6 bulan x 1 orang	3,000	
2.9 Pelbagai	340	
Jumlah	10,500	
Jumlah Besar	48,500	

B. PENDAPATAN

Penghasilan cendawan:	Beg media dibuka 1,000 beg/hari
	Dianggarkan 50 gm/kutipan dari setiap beg media
Hasil harian cendawan:	1,000 beg x 50 gm/beg = 50 kg/hari
Pendapatan kasar harian:	50 kg/hari dengan harga ladang RM 7.00/kg
	50 kg x RM 7.00 = RM 350.00/hari
Pendapatan kasar bulanan:	RM350.00/hari x 30 hari = RM10,500/bulan
Pendapatan kasar semusim: (dalam 1 musim penanaman cendawan dianggarkan kutipan hasil selama 3 bulan)	RM10,500/bulan x 3 bulan = RM31,500/musim
Pendapatan bersih semusim	Pendapatan Kasar/Musim - Modal Berubah
	RM31,500/musim - RM10,500.00 = RM21,500
Pendapatan bersih sebulan (musim pertama - 6 bulan pertama)	RM21,500 ÷ 6 bulan * = RM3,583.33/bulan


* Pecahan jangka masa 6 bulan:

- 3 bulan penyediaan dan pemeraman beg media
- 3 bulan memungut hasil.



PANDUAN MENGUSAHAKAN

Cendawan Tiram



Jabatan Pertanian Malaysia
Wisma Tani, Aras 17,
No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 PUTRAJAYA

Tel : 03-8870 3000 Fax : 03-8888 5069


<http://www.doa.gov.my>

JENIS-JENIS CENDAWAN TIRAM

Terdapat 4 jenis cendawan tiram yang boleh diusahakan di kawasan tanah rendah iaitu:



Tiram kelabu
(*Pleurotus sajor-caju*)



Tiram putih
(*Pleurotus florida*)



Tiram kuning
(*Pleurotus citrinopileatus*)



Tiram merah jambu
(*Pleurotus flabellatus*)

Kejayaan perusahaan cendawan tiram bergantung kepada beberapa faktor penting seperti jenis media, suhu, kelembapan, cahaya, pengudaraan dan lain-lain. Namun faktor penting ialah amalan kebersihan yang baik. Aktiviti perusahaan ini bermula dengan penyediaan infrastruktur, bahan dan peralatan yang bersesuaian mengikut susun atur seperti berikut:

1. INFRASTRUKTUR CENDAWAN

Disyorkan kemudahan infrastruktur cendawan mempunyai 2 komponen bangunan yang berasingan iaitu:

- Bangunan penyediaan media yang mempunyai 4 ruang bagi tujuan menyimpan stok, menggal dan mengukus media, stor bahan dan peralatan dan bilik suntik benih cendawan.
- Rumah cendawan dilengkapi dengan rak untuk meletakkan beg-beg media dan berinding jaring.



Semua infrastruktur mestilah bertalenta simen.

2. PENYEDIAAN BEG MEDIA CENDAWAN

Beg media cendawan perlu disediakan sebagai tempat miselia cendawan tumbuh. Bahan-bahan yang digunakan ialah habuk kayu yang tidak dirawat, dedak halus dan kapur pertanian pada kadar 100:10:1. Campurkan air supaya kelembapan 60-65%. Bahan-bahan ini digaul rata dan dimampatkan ke dalam beg plastik jernih yang tahan panas. Pasangkan leher dan tutup mulut beg media dengan penutup yang telah disumbat kapas.



3. PENGUKUSAN BEG MEDIA CENDAWAN

Selepas penyediaan beg media cendawan, pengukusan perlu dijalankan untuk membunuh segala organisma pencemar dan perosak yang terdapat di dalam media supaya miselia cendawan dapat tumbuh dengan baik. Pengukusan dibuat dengan menggunakan tong dram yang bertutup atau menggunakan pengukus besar (steamer) dan set dapur gas. Pengukusan dijalankan lebih kurang 7 - 12 jam.



4. PENYUNTIKAN BENIH CENDAWAN

Beg media cendawan kemudian disejukkan, diikuti dengan kerja penyuntikan benih yang mesti dijalankan di dalam bilik yang bersih supaya tidak berlaku pencemaran. Benih cendawan dierai dan dimasukkan sebanyak 5 gm ke dalam beg media.



5. PEMERAMAN BEG MEDIA

Beg media yang telah dimasukkan benih cendawan perlu melalui proses pemeraman lebih kurang 60 hari, di tempat yang gelap sehingga miselia tumbuh memenuhi keseluruhan beg media.



6. MEMUNGUT HASIL

Sebaik sahaja didapati miselia memenuhi keseluruhan beg media, penutup mulut beg media boleh dibuka. Hasil pertama cendawan boleh dikutip mulai hari ketiga hingga kelima berikutnya. Pastikan cendawan dikutip sebelum tepi kelopaknya menjadi berombak dan pecah. Sebaik saja selesai mengutip hasil, mulut beg media perlu dibersihkan dan ditutup untuk direhatkan selama tidak kurang dari 10 hari. Setelah cukup direhatkan, buka semula penutup mulut beg media untuk mendapatkan hasil berikutnya.



Jumlah hasil bagi setiap beg media bagi setiap tuaian adalah sebanyak 60-80 gm dan proses memungut hasil ini boleh diulangi antara 6-8 kali.

7. PEMBUNGKUSAN DAN PENYIMPANAN CENDAWAN

Pangkal batang cendawan dipotong dan kelopaknya disusun sehalia di dalam pembungkus plastik. Disyorkan cendawan disimpan dalam peti sejuk pada suhu 5°-8°C yang boleh bertahan segar selama 3-4 hari dengan cara insangnya menghalakan ke atas.



8. TIP PENGURUSAN RUMAH CENDAWAN

- Pastikan suhu dalam rumah cendawan 28°-30°C, kelembapan 80-90% dan pengudaraan yang baik.
- Jika perlu, rumah cendawan disiram dengan air bersih ke arah badan beg media, lantai dan dinding bag mengekalkan kelembapan.
- Pastikan beg media yang telah rosak dan tercemar dimasukkan ke dalam plastik sampah dan dibuang di tempat yang jauh.
- Sebaiknya, beg media dikitar semula sebagai baja organik.
- Lantai rumah cendawan perlu dibersihkan setiap kali selepas membuat kerja.
- Pastikan rumah cendawan sentiasa di periksa untuk memastikan tiada serangan perosak dan pencemaran.

